

# BORANG PENDAFTARAN

Untuk pengesahan pendaftaran, sila isi borang ini beserta bayaran

- YA! Sila daftarkan peserta-peserta berikut untuk kursus ini.
- Saya berminat tetapi tidak dapat turut serta. Sila maklumkan kursus yang akan datang.

Sila tanda (/) yang berkenaan

Nama Kursus : SEMINAR OPTIMIS  
"Pembentukan warga kerja cemerlang pencetus organisasi gemilang"

Tarikh : 25 SEPTEMBER 2019

Tempat : HOTEL HATTEN, MELAKA

Yuran : RM 690.00 seorang

Yuran di atas termasuk bahan kursus, makan tengahari, minum pagi & petang dan siji penyertaan.  
Sila hubungi Rafidah di talian 07-521 8159 / 8164 untuk mendapatkan pakej kursus beserta penginapan



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan  
Berterusan  
(SPACE)

## \*MAKLUMAT PESERTA YANG MENGHADIRI KURSUS :

Bil.	Nama Peserta	No. Tel Bimbit	E-mel	No. Kad Pengenalan (for HRDF claim)	Yuran (RM)

(Sila buat senarai tambahan jika perlu)

\*UTMSPACE menghormati privasi pelanggan berkaitan dengan data peribadi. Untuk butiran lanjut, sila layari: [www.utmspace.edu.my/pdpa](http://www.utmspace.edu.my/pdpa) Jumlah

PEMBIAYAAN :  Tajuan Sendiri  Tajuan Syarikat / Organisasi

## MAKLUMAT INDIVIDU / ORGANISASI (Untuk tujuan pengeluaran invois) :

Organisasi : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Pegawai Dihubungi : \_\_\_\_\_ No. Pend. Sykt\* : \_\_\_\_\_  
\* Jika berkenaan

Telefon : \_\_\_\_\_ Jawatan : \_\_\_\_\_

No. Faksimili : \_\_\_\_\_ E-mel : \_\_\_\_\_

Pembatalan penyertaan yang diterima secara bertulis 30 hari sebelum program ini bermula layak menerima pembayaran balik, tertakluk kepada 15% yuran pembatalan. Pembatalan yang diterima kurang daripada 14 hari dari tarikh program ini tidak layak menerima pembayaran balik. Walau bagaimanapun, peserta gantikan dialu-alukan. Sila maklum, walaupun senarai penceramah dan tajuk ini disahkan betul pada masa percetakan, keadaan di luar kawalan pengeluar mungkin memerlukan penggantian atau pembatalan penceramah dan/ atau tajuk. Oleh itu, UTMSPACE berhak untuk meminda atau mengubah sari senarai yang telah diklankan.

Tandatangan Pengesahan\* : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_ Jawatan : \_\_\_\_\_

\* Ketua Jabatan / Pengurusan Atasan

Cop Syarikat

## PEMBAYARAN

A. Cek Berpalang (Cek Peribadi tidak diterima) atau Draf Bank

No. Cek / No. Draf Bank : \_\_\_\_\_ Bank/ Cawangan : \_\_\_\_\_

Cek berpalang / bank draf hendaklah dikemukakan kepada : UTMSPACE  
Nombor Akaun : 8601518228 | Nama Bank : CIMB Islamic Bank Berhad | Cawangan : UTM Skudal, Johor

B. Pindahan Telegrafik / Pesanan Kerajaan

Tarikh Urusiaga : \_\_\_\_\_ Nombor Rujukan : \_\_\_\_\_

[Tertakluk kepada terma dan syarat]

## UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI :

PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL, UTMSPACE Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia,  
No. 34 - 50, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 Skudal, Johor

Pegawai dihubungi : Puan Nurafidah Md Noor / Nor Rafidah Khalid  
Tel : 07-521 8159 / 8164 Faks : (607) 520 5725  
E-mel : [nurafidah@utmspace.edu.my](mailto:nurafidah@utmspace.edu.my) / [rafidah@utmspace.edu.my](mailto:rafidah@utmspace.edu.my)  
Laman Sesawang : [www.utmspace.edu.my](http://www.utmspace.edu.my)

Dapatkan kad Diskaun secara PERCUMA!  
Istimewa untuk pakej berkumpulan 20 orang penyertaan daripada jabatan yang sama



# Seminar OPTIMIS

"Pembentukan warga kerja cemerlang pencetus organisasi gemilang"

**HOTEL HATTEN, MELAKA**  
**25 SEPTEMBER 2019**

## PENGENALAN

**CABARAN** di alaf baru ini bukan sahaja memerlukan individu yang kreatif dan inovatif tetapi harus juga disertakan dengan imej, keterampilan dan kekuatan minda yang OPTIMIS. Kejayaan seseorang sebenarnya sangat bergantung kepada cara mereka mencipta corak pemikiran dalam menempuhi cabaran globalisasi. Tentunya minda positif atau lebih tepat lagi minda kelas pertama dapat membentuk potensi dan karisma diri bagi mencapai kejayaan.

**RAJIN** bekerja bukan bermakna potensi seseorang akan terserlah di mata pihak atasan, sebaliknya seseorang pekerja itu perlu pandai mengadun pakej elemen-elemen positif seperti imej, personaliti, komunikasi dan sebagainya untuk lebih berjaya. Seminar ini mampu memberi peluang kepada anda yang ingin mencipta kejayaan dari pelbagai aspek. Pendedahan yang akan diberikan merangkumi setiap sudut keperluan individu; luaran dan dalaman. Kejayaan sesuatu organisasi adanya pasukan yang hebat.

## OBJEKTIF

- Memahami bagaimana personaliti dan budaya mempengaruhi pemikiran dan emosi.
- Mempelajari petua agar mudah didengari dan dinilai untuk mendapat peluang lebih baik.
- Menyerlahkan potensi diri agar tampil lebih berkarisma dan bergaya.
- Menguruskan imej dan juga penampilan sesuai dengan suasana, persekitaran majlis dan juga etika.
- Meningkatkan keupayaan, mengoptimalkan dan memanipulasikan kuasa minda untuk digunakan di tempat kerja dan kehidupan seharian.
- Meningkatkan kesedaran tentang pentingnya kemahiran komunikasi yang baik untuk memajukan organisasi.

## SIAPA PERLU MENGHADIRI SEMINAR INI

- Warga Kerja Sektor Awam & Swasta
- Staf Kumpulan Sokongan
- Individu yang Berminat Untuk Menyerlahkan Lagi Kelebihan, Kebolehan dan Potensi Diri

## TENTATIF PROGRAM

08:00 - 08:30 pg	: Pendaftaran peserta
08:30 - 10:30 pg	: Serlahkan Potensi Diri; Transformasi Diri dalam Organisasi (Oleh : Ustaz Elyas Ismail)
10:30 - 11:00 pg	: Minum Pagi
11:00 - 1:00 tgh	: <i>Communicate &amp; Connect</i> (Oleh : Encik Rizal Rashid)
1:00 - 2:00 ptg	: Rehat
2:00 - 3:30 ptg	: Imej dan Penampilan Diri Positif (Oleh : Puan Aziah Jasmin)
3:30 - 5:00 ptg	: Membina Karisma Diri dan Personaliti (Oleh: Encik Fahrin Ahmad)
5:00 ptg	: Penyampaian Sijil : Minum Petang : Penutup/Bersurai

## PROFIL PENCERAMAH



**MOHD ELYAS BIN ISMAIL**  
Topik : Serlahkan Potensi Diri; Transformasi Diri dalam Organisasi

**Mohd Elyas Ismail** dilahirkan di Kedah dan memulakan pengajian di Maktab Mahmud Alor Star, Kedah. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dalam bidang Al-Quran Sunnah. Kemudian beliau meneruskan langkah mendalami ilmu di Universiti Al-Azhar Mesir di Kuliah Usuluddin Jabatan Tafsir. Sejak 2007 beliau telah bergiat secara serius dalam bidang Latihan dan Motivasi. Kursus yang dikendalikan beliau lebih menjurus pada Motivasi Inspirasi Pembangunan Diri dan Kumpulan (*Self Improvement & Team Player*). Beliau memiliki beberapa sijil latihan bertaraf antarabangsa seperti Neuro Linguistic Programming dari USA dan Terapi Aura Shifa' dari Indonesia. Kini beliau telah melatih lebih dari 10,000 orang peserta bagi agensi-agensi kerajaan dan swasta termasuk juga NGO dan sekolah. Pengalamannya menjelajah ke beberapa buah negara Asia dan Timur Tengah seperti India, Sri Lanka, Turki, Saudi, Jordan, Mesir dan Singapura menambahkan kematangannya dalam bidang latihan.

**RIZAL RASHID**  
Topik : *Communicate & Connect*

**Rizal Rashid** Seorang jurulatih bertauliah dibawah Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Badan Nasional Sertifikasi Profesi (BNSP) Indonesia. Beliau mempunyai kepakaran dalam komunikasi berpengaruh dan telah mengendalikan banyak bengkel serta seminar dalam melatih ribuan professional, usahawan, dan pemilik perniagaan di dalam dan luar negara fokus kepada komunikasi berpengaruh dan bahasa badan. Beliau merupakan anak Malaysia pertama yang bermentorkan Juara Dunia Public Speaking 2014, Dananjaya J. Hettiarachchi. Beliau merupakan pengasas bagi seminar komunikasi terbesar di Malaysia iaitu *Now Everyone Can Speak* yang membariskan ramai selebriti hebat seperti Datuk Aznil Hj Nawawi, Hariith Iskander, Ustaz Don Daniyal dan ramai lagi.



**AZIAH JASMIN**  
Topik : Imej dan Penampilan Diri Positif



**Aziah Jasmin Azizul**, mengorak langkah sebagai lulusan dari Studio 7 Grooming & Modeling di Ipoh, Perak pada usia 17 tahun 1989 serta graduan Lulusan Diploma Sains dari Universiti Teknologi Mara, UiTM, pada tahun 1993. Aziah Jasmin Azizul kemudian mengembangkan kariernya sebagai penyampai TV di TV3 selama 7 tahun bermula dari 1993-2000 dan memperolehi pelbagai latihan kemahiran suara dan komunikasi. Kerjaya beliau di TV3 bermula sebagai wartawan siaran dan dipilih untuk menjalani Latihan PETS kewartawanan di bawah The New Straits Times serta bertanggungjawab dalam laporan khas untuk TV3 dan NSTP. Berpengalaman luas sebagai penyampai berita utama merangkumi topik umum, politik, perniagaan dan sukan. Pada tahun 2000 Aziah bertindak sebagai Pengurus Jualan & Pemasaran (Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif) untuk Time dotcom Berhad. Aziah bersama Time selama 3 tahun sebelum membuat keputusan untuk menjadi seorang usahawan dan akhirnya menubuhkan Perundingan Imej Bintang, SSIC pada tahun 2002. Aziah juga merupakan graduan Diploma dari Persekutuan Aestheticians Antarabangsa, IFA dan Diploma Kecantikan Masters Dunia pada tahun 2003.

**FAHRIN AHMAD**  
Topik : Membina Karisma Diri dan Personaliti

**Fahrin Ahmad** pernah bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Segamat, Segamat, Johor, beliau kemudiannya meneruskan pelajaran peringkat menengah di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru, Johor. Ketika di sekolah beliau aktif bersukan terutamanya sukan ragbi dan telah dilantik menjadi kapten sekolah dan juga mewakili negeri.

Beliau kemudiannya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor dan berjaya mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang di sana.

